

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HIS 402 Fiqh al-Mu`amalat: Hubungan Sesama Makhluk

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LIMA (5) soalan dalam TIGA (3) muka surat

Jawab TIGA (3) soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. (a) Beri takrif haq menurut Ulama Bahasa dan Ulama Fikah (al-fuqaha al-Salaf), dan sertakan bersama, contoh-contoh bagi menjelaskan pemahaman anda berhubung dengan takrif tersebut.  
(b) Al-Syikh Ali al-Khafif mentakrifkan haq iaitu: 'Maslahat yang munasabah di sisi syarak. Huraikan maksud tersebut dengan menurunkan contoh-contoh yang berkaitan dan munasabah.'
2. (a) Sebutkan keadaan-keadaan haq individu yang tidak boleh digugurkan dan sertakan bersama contoh-contoh bagi menjelaskan jawapan anda.  
(b) Al-Ta`assuf atau penyelewengan diharamkan di dalam Islam. Terangkan dengan jelas keadaan-keadaan yang dikira sebagai penyelewangan dalam menggunakan sesuatu haq.  
(c) Nyatakan kaedah-kaedah utama yang diutarakan oleh Islam bagi mencegah penyelewangan haq atau al-Ta`assuf dalam penggunaan haq.
3. (a) Beri definisi harta (al-Mal) yang berbentuk benda, menurut pendapat madhab Jumhur, kemudian jelaskan takrif harta yang bukan berbentuk benda menurut pendapat madhab Abu Hanifah.

.../2

- (b) Bincangkan pandangan dan pendapat Ulama Mazhab Abu Hanifah dan Ulama Jumhur tentang haq dan manfaat, yang berkaitan dengan definisi harta menurut Islam.
- (c) Yazid merampas kereta Ali pada tarikh 1 Januari 1984. Pada tarikh 30 Jun 1985, kereta itu dijumpai berada di tangan Yazid, kemudian kereta tersebut diserahkan balik kepada Ali. Nyatakan hukum yang dikenakan ke atas perampas kereta tersebut menurut.
- i. Mazhab Abu Hanifah
- ii. Mazhab Jumhur
4. Muhammad Abdullah al-Darraz dalam bukunya: Prinsip Akhlak Berdasarkan al-Qur'an, mengatakan: "Pada hakikatnya, tanggungjawab ialah sesuatu persediaan yang sedia ada pada tiap-tiap individu....".
- (a) Bincangkan pernyataan di atas, yang dimaksudkan oleh penulis.
- (b) Sebutkan kelaziman yang perlu ada bagi membantu seseorang menjalani tanggungjawabnya dengan lebih licin dan berkesan.
5. Ahmad meninggal dunia dan meninggalkan harta berupa:
- Wang sebanyak \$10,000.00  
Sebuah rumah bernilai \$100,000.00
- Manakala waris-warisnya pula ialah :
- Rokiah (isteri)  
Yasin dan Zaki (dua orang anak lelaki)  
dan Khadijah (seorang anak perempuan)
- (a) Nyatakan bahagian Rokiah dari harta peninggalan si suaminya Ahmad.
- (b) Sebutkan jumlah dalam bentuk wang yang sepatutnya diwarisi oleh Yasin, Zaki dan Khadijah.
- (c) Nyatakan sebab-sebab yang membolehkan seseorang ahli waris dapat mewarisi harta peninggalan si mati. Dan nyatakan juga sebab-sebab yang menghalang seseorang ahli waris dari menerima harta pusaka.
- (d) Apabila seseorang Muslim meninggal dunia, apakah yang perlu diberi keutamaan tentang hartanya berhubung dengan perkara-perkara berikut: faraid, hutang dan wasiat dan dasarkan jawapan anda kepada hujah-hujah syariah.

- (e) Nyatakan antara hikmah syariat Islam memperuntukkan bahagian ahli waris lelaki melebihi bahagian ahli waris wanita dalam pemberian harta pusaka.

-ooooooo-